



BULETIN

Kicau VETERINAR

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

EDISI 2/2025

LAWATAN KPPV KE KELFARM,
KOTA BHARU, KELANTAN
| 20 JULAI 2025 - **M/S 6**

DARI SUKA-SUKA, KINI
MENJADI MINAT UTAMA |
JASON LEE - **M/S 11**

LAWATAN KERJA YBM KPKM
KE F&N AGRI VALLEY |
2 SEPTEMBER 2025 - **M/S 25**

YANG DI-PERTUAN AGONG
TERIMA MENGADAP MAQIS DAN
DVS | 22 OKTOBER 2025 - **M/S 39**

PERASMIAN ASEAN COORDINATING
CENTRE FOR ANIMAL HEALTH AND
ZOOSES (ACCAHZ) |
17 NOVEMBER 2025 - **M/S 43**

MEOW FIESTA DISERANG
PENGUNJUNG | 5-7
Disember 2025 - **M/S 49**



Perutusan **KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan menerbitkan Buletin Kicau Veterinar Bilangan 2/2025. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, saya berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buletin ini.

Buletin ini merupakan salah satu saluran untuk berkongsi maklumat mengenai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh DVS kepada semua. Dengan adanya bahan penerbitan ini, diharap orang ramai dapat berhubung dan mengenali DVS dengan lebih dekat.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar dan semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

YBHG. DATUK DR. MOHD NOOR HISHAM BIN MOHD HARON
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Diterbitkan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

ISI KANDUNGAN

07 | Julai

LAWATAN KP KE LADANG DAVID YIP 6 Julai 2025	3
LAWATAN KP KE PPKB 7 Julai 2025	3
SESI PERBINCANGAN BERKENAAN PROSEDUR IMPORT TERNAKAN DARI LUAR NEGARA 5 Julai 2025	4
WAWANCARA 'PEMILIKAN HAIWAN YANG BERTANGGUNGJAWAB' 14 Julai 2025	4
WAWANCARA "KEBAJIKAN HAIWAN, TANGGUNGJAWAB SIAPA?" 14 Julai 2025	4
JADIKAN PEMILIKAN HAIWAN BERTANGGUNGJAWAB SEBAGAI AMALAN MASYARAKAT 19 Julai 2025	5
LAWATAN KPPV KE KELFARM, KOTA BHARU, KELANTAN 20 Julai 2025	6
HARI INOVASI: BUKTI KOMITMEN DVS DALAM MEMUPUK BUDAYA KERJA BERASASKAN KREATIVITI 24 Julai 2025	7
MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN AWAM VETERINAR KEBANGSAAN (JKKAV) BIL. 1/2025 28 Julai 2025	8
LAWATAN KERJA KPPV KE PERAK 30 Julai 2025	8

08 | Ogos

BERMULA BANTU BAPA, KINI PENGUSAHA LEMBU PEDAGING BREEDLOT Amin (Kelantan)	9
INGIN MENJADI PEMBEKAL BAKA TERULUNG DI MALAYSIA Azman (Pahang)	10
DARI SUKA-SUKA, KINI MENJADI MINAT UTAMA Jason Lee (Sabah)	11
INGIN LEBIH RAMAI PENTERNAK MUDA JADI JURUSUNTIK PERMANIAN BERADAS Alias (Terengganu)	12
KERJASAMA STRATEGIK DVS DAN AGROBANK DALAM MEMPERKASAKAN PENTERNAK RUMINAN 2 Ogos 2025	13
HPPNK 2025 KE SABAH PULA BAH	14
WAWANCARA PENGARAH DVS SABAH DI SELAMAT PAGI MALAYSIA 2 Ogos 2025	16

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) 2025 3 Ogos 2025	17
ENCIK JASON LEE: PEMENANG ANUGERAH PERDANA DAN ANUGERAH PENTERNAK JAYA HPPNK 2025 3 Ogos 2025	17
ANTARA WAJAH-WAJAH CERIA PETUGAS HPPNK 2025 1-3 Ogos 2025	18
TERIMA KASIH ATAS KEPIMPINAN DAN KHIDMAT BAKTI DR. DALAM SEKTOR PENTERNAKAN NEGARA 1 Ogos 2025	19
LAWATAN KERJA KE PEMENANG ANUGERAH PERDANA DAN ANUGERAH PENTERNAK JAYA HPPNK 2025 4 Ogos 2025	20
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENGUJITERIMA 12 UNIT KENDERAAN KHAS PERKHIDMATAN LAPANGAN 4 Ogos 2025	20
LAWATAN KERJA YB KPKM KE ECO YAP 5 Ogos 2025	21
MESYUARAT SERANTAU RANGKAIAN ONE HEALTH ASEAN PERTAMA (AOHN) 5 Ogos 2025	21
DR HISHAM TERIMA DATUK 25 Ogos 2025	22
LIVESTOCK MALAYSIA 2025 27-29 Ogos 2025	23

09 | September

MALAYSIA DAN THAILAND PERKUKUH KERJASAMA TERNAKAN DALAM MESYUARAT BERSAMA KE-12 1 September 2025	24
LAWATAN KERJA YBM KPKM KE F&N AGRI VALLEY 2 September 2025	25
DVS @ SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 2025/1447H 5 September 2025	26
LAWATAN KERJA KE LADANG KAMBING SUSU DI KG. BIAH, KELANTAN 7 September 2025	26
MAJLIS PERASMIAN PROJEK KANDANG TERTUTUP KELFARM SDN BHD 7 September 2025	27
SEMOGA ADIK FIRDAUS SEMBUH SEGERA 10 September 2025	28
MAJLIS PERUNDINGAN INDUSTRI BABI (PIG INDUSTRY CONSULTATIVE COUNCIL) PICC TAHUN 2025 11 September 2025	28

PROGRAM RAKAN PRIHATIN @ FURR EVER FRIENDS: KHIDMAT MASYARAKAT 12 September 2025	29	YANG DI-PERTUAN AGONG TERIMA MENGADAP MAQIS DAN DVS 22 Oktober 2025	39
KUNJUNGAN HORMAT KAUNSELOR AGRIMAKANAN SERANTAU, KEDUTAAN PERANCIS 19 September 2025	30		
KUNJUNGAN HORMAT KAUNSELOR PERTANIAN, KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT 22 September 2025	30		
DVS @ PAMERAN ANJING ANTARABANGSA MKA (MALAYSIAN KENNEL ASSOCIATION) & PET FAIR 26 September 2025	31		
"KEPENTINGAN KAWALAN PENYAKIT RABIES" 30 September 2025	31		
<i>10 Oktober</i>			
BENGKEL MEMPERKASAKAN FARMAKOVIGILENS VETERINAR DAN KEUPAYAAN MENGESAN PRODUK VETERINAR SUBSTANDARD DAN PALSU 1-3 Oktober 2025	32		
DVS DI EKSPLO KUCING! 3-5 Oktober 2025	33		
PROGRAM LATIHAN SIMULASI LAPANGAN PENYAKIT RABIES 6-8 Oktober 2025	33		
MESYUARAT BILATERAL DI ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) MALAYSIA DAN NATIONAL PARKS BOARD (NPARKS) / ANIMALS AND VETERINARY SERVICE (AVS) / SINGAPORE FOOD SAFETY (SFA) TAHUN 2025 7 Oktober 2025	34		
SESI TAKLIMAT DAN SUAIKENAL BERSAMA PEGAWAI VETERINAR LANTIKAN BAHARU 10 Oktober 2025	35		
DR. AIDA @ SELAMAT PAGI MALAYSIA 12 Oktober 2025	35		
DATUK HISHAM @ APA KHBAR MALAYSIA 14 Oktober 2025	36		
DR. NORHANA @ JENDELA FIKIR 15 Oktober 2025	36		
SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2025 16 Oktober 2025	37		
MAJLIS SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA TAHUN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN 18 Oktober 2025	38		
		<i>11 November</i>	
		LAWATAN KERJA KPPV KE LADANG RANGKAIAN DELIMA SDN BHD DAN YP PLANTATION HOLDINGS SDN BHD 5 November 2025	40
		TAHNAH DATUK HISHAM DAN DR. AIDA 5 November 2025	40
		LAWATAN KERJA KE LADANG AYAM SAGA MARDI 6 November 2025	41
		KPPV DI THE 9TH CHINA-ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SANITARY AND PHYTOSANITARY (SPS) 14 November 2025	41
		TKPKV @ APA KHBAR MALAYSIA 14 November 2025	42
		DR RAZLI TERIMA ANUGERAH 15 November 2025	42
		PERASMIAN ASEAN COORDINATING CENTRE FOR ANIMAL HEALTH AND ZOOSES (ACCAHZ) 17 November 2025	43
		LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KPKM KE TAMAN BURUNG LABUAN 24 November 2025	45
		WORKSHOP ON EVALUATION OF AFRICAN SWINE FEVER CONTROL POLICIES, BIOSECURITY MEASURES AND THEIR EFFECTIVENESS IN SOUTHEAST ASIA 24-25 November 2025	45
		MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2025 25 November 2025	46
		WEBINAR PRUDENT USE OF ANTIBIOTICS IN POULTRY INDUSTRY SEMPERNA WAAW 2025 27 November 2025	47
		<i>12 Disember</i>	
		MAHA 2026 BAKAL KEMBALI! 3 Disember 2025	48
		MEOW FIESTA DISERANG PENGUNJUNG 5-7 Disember 2025	49
		LAWATAN KERJA YBM KPKM KE COLLA CATTLE FARM 11 Disember 2025	50
		LAWATAN KERJA KSU KPKM KE CAB FEED SDN BHD 19 Disember 2025	51
		MAJLIS PELUNCURAN PENUTUP DAN PENYERAHAN PROJEK-PROJEK FIZIKAL PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI 23 Disember 2025	52

LAWATAN KP KE LADANG DAVID YIP | 6 Julai 2025

Lawatan kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke penternakan dan pembiakan kambing di Ladang Wira Bintang Farming & Feed milik Encik David Yip Yat Sing yang merupakan pemenang Anugerah Penternak Jaya Negeri Sabah bagi tahun 2023.




LAWATAN KP KE PPKB | 7 Julai 2025

Lawatan kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Pusat Penternakan Kambing Bebiri (PPKB) Kuala Pah, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.

PPKB yang memelihara sebanyak 348 ekor Bebiri Damara menjalankan pelbagai pelan program kesihatan seperti bancian dan timbangan, sampel darah, tagging, pematangan kuku, vaksinasi FMD/ HS, pembuatan silaj, program pembiakan dan diagnosis kebuntingan.

Taklimat berkenaan PPKB telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Amirah Husna binti Abdul Halim selaku Pengurus Bahagian, PPKB.

Hadir sama YBrs. Dr. Emelia Aini binti Kamaruzzaman dan YBrs. Dr. Nor Aini binti Warzukni dari Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan, ibu pejabat DVS Putrajaya.



SESI PERBINCANGAN BERKENAAN PROSEDUR IMPORT TERNAKAN DARI LUAR NEGARA | 8 Julai 2025

Sesi perbincangan YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bersama YBhg. Datuk Haji Husam Musa (Pengerusi TH Properties Sdn. Bhd.) YBrs. Dr. Asran (Usahawan IAT) berkenaan ladang tenusu dan prosedur import ternakan dari luar negara pada 8 Julai 2025 di Wisma Tani, Putrajaya.



WAWANCARA 'PEMILIKAN HAIWAN YANG BERTANGGUNGJAWAB' | 14 Julai 2025

Bersama YBrs. Dr. Marzuna Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang telah mengupas topik: "PEMILIKAN HAIWAN YANG BERTANGGUNGJAWAB".



WAWANCARA "KEBAJIKAN HAIWAN, TANGGUNGJAWAB SIAPA?" | 14 Julai 2025

Bersama YBrs. Dr. Mohammad Razli Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang telah mengupas topik 'KEBAJIKAN HAIWAN, TANGGUNGJAWAB SIAPA?'



JADIKAN PEMILIKAN HAIWAN BERTANGGUNGJAWAB SEBAGAI AMALAN MASYARAKAT | 19 Julai 2025



YB Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kerajaan Negeri Kelantan hadir merasmikan Sambutan Hari Kebajikan Haiwan 2025 Peringkat Kebangsaan & Program Pendaftaran Kad Pengenalan Kuda yang telah diadakan pada 19 Julai 2025 di Resort Seri Nipah, Bachok, Kelantan.

YB Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin diiringi YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah DVS Negeri Kelantan, YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Farhan Hanif bin Reduan, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dan Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar Ibu Pejabat Putrajaya.

Bersesuaian dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu "Pemilik Prihatin, Haiwan Terjaga" yang menumpukan kepada usaha mempromosikan kebajikan haiwan di Malaysia dan menjadikan pemilikan haiwan bertanggungjawab sebagai amalan masyarakat.

Program ini juga turut bertujuan mempromosi tanggungjawab menyediakan tanda pengenalan bagi pemilikan haiwan melalui kad pengenalan dan mikrochip di mana program pemasangan mikrochip untuk kuda dan pendaftaran kad pengenalan kuda turut diadakan bagi hampir 50 ekor kuda.

Dalam ucapan perasmian YB Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin, beliau mengharapkan agar jumlah ini akan bertambah saban tahun dan memastikan negeri Kelantan sentiasa di hadapan demi kemajuan bersama. Kerajaan negeri juga sentiasa menyokong usaha DVS agar ianya tetap selari dengan misi dan visi yang digariskan demi memastikan kelangsungan dan kelestarian ternakan di negeri Kelantan.


Sementara YBrs. Dr. Akma berkata, peranan Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah penting khususnya dalam aspek pencegahan dan kawalan penyakit haiwan yang melibatkan kuda. Tanggungjawab ini merangkumi pelaksanaan program vaksinasi, saringan penyakit, kawalan sempdan, serta pematuhan terhadap protokol kesihatan veterinar dan biosekuriti.

"Salah satu inisiatif yang sedang diperluas ialah penggunaan kad pengenalan haiwan yang dikenali sebagai pet passport dan mikrochip bagi kuda. *Pet Passport* membantu merekod maklumat kesihatan, vaksinasi, sejarah rawatan dan pemilikan, selain memudahkan urusan pergerakan, jual beli dan pengesanan kesihatan secara lebih sistematik".

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi DVS sentiasa komited melaksanakan hebahan dan inisiatif kepada orang awam dalam memupuk serta meningkatkan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan di negara ini selari dengan aspirasi negara untuk memastikan kesejahteraan haiwan terus terpelihara.

"Pemilik Prihatin, Haiwan Terjaga"

**Terima kasih kepada semua petugas, dan pemilik kuda yang bertungkus-lumus dalam memastikan kelancaran program ini berjalan dengan lancar.



LAWATAN KPPV KE KELFARM, KOTA BHARU, KELANTAN | 20 Julai 2025

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar diiringi YBrs. Dr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah DVS Negeri Kelantan membuat lawatan kerja ke Kandang Seribong KELFARM Sdn Bhd yang terletak di Seribong, Limbat, Kota Bharu, Kelantan pada 20 Julai 2025.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Naharizan bin Abdul Rahim, pegawai Bahagian AI KELFARM Sdn Bhd bersama Encik Paizol Akman bin Awang, Pengarah KELFARM Sdn Bhd.

Projek Kandang Wagyu Seribong (Kelgyu) dikendalikan oleh Kelfarm bermula sebahagian operasi pada sekitar pertengahan Mac 2025.

Projek ini bertujuan untuk mengembangkan industri ternakan lembu Wagyu tempatan sebagai satu usaha memperkukuh

jaminan bekalan daging berkualiti tinggi di Malaysia.

Ladang berkeluasan 13 ekar ini melaksanakan sistem tertutup sepenuhnya dan automatik, direka untuk kawalan operasi yang sistematik dan boleh menampung kira-kira 120-150 ekor lembu secara serentak.

Projek berfungsi sebagai penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pembiakan lembu Wagyu tempatan, seperti AI dan ET.

Selain itu, projek ini merupakan sebahagian daripada Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024 oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta penglibatan strategik dari DVS Kelantan dan pihak kerajaan negeri.



HARI INOVASI: BUKTI KOMITMEN DVS DALAM MEMUPUK BUDAYA KERJA BERASASKAN KREATIVITI | 24 Julai 2025

YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merasmikan Majlis Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Tahun 2025 pada 24 Julai 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, KPKM.

Menerusi ucapan perasmian, beliau menyatakan inovasi bukan lagi sekadar pilihan, malah merupakan satu keperluan yang harus dipacu secara sistematik dan berterusan.

“Setiap individu, sama ada pegawai DVS mahupun pengusaha industri veterinar, berperanan penting dalam membudayakan inovasi dan memperluaskan impaknya dalam sektor penternakan negara”, tambah beliau.

Sementara itu, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar berkata,

penganjuran Hari Inovasi ini menjadi bukti komitmen DVS dalam memupuk budaya kerja berasaskan kreativiti, keberanian mencuba, dan peningkatan berterusan demi kepentingan perkhidmatan dan pelanggan jabatan.

Beliau juga berharap agar inovasi yang dihasilkan tidak terhenti sekadar di pentas pertandingan atau pameran semata-mata sebaliknya perlu disebarluaskan, dimanfaatkan dan ditambah nilai agar dapat memberi manfaat kepada semua peringkat sehinggalah penerima manfaat iaitu rakyat dan industri ternakan negara.

Tema sambutan Hari Inovasi DVS tahun ini adalah “Cetusan Inovasi Dalam Mendepani Cabaran AI”, iaitu ia adalah suatu seruan strategik bagi warga DVS serta para pemain industri untuk terus progresif, adaptif dan berdaya saing dalam era ledakan teknologi

kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence (AI)*.

Sebanyak 6 kategori dipertandingkan iaitu perkhidmatan, pendigitalan, teknologi, produk, pengeluaran ternakan dan persembahan terbaik sekaligus menyaksikan sebanyak 30 penyertaan pada tahun ini berbanding 15 penyertaan pada tahun 2024.

Hadir sama YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, para pegawai kanan, warga DVS dan pengusaha industri veterinar.



MESYUARAT JAWATANKUASA KESEHATAN AWAM VETERINAR KEBANGSAAN (JKKAV) BIL.1/2025 | 28 Julai 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Awam Veterinar Kebangsaan (JKKAV) Bil.1/2025 telah diadakan pada 28 Julai 2025 (Isnin) bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya.

Mesyuarat anjuran Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini bertujuan berkongsi maklumat status pelaksanaan program dan aktiviti Kesihatan Awam Veterinar.



LAWATAN KERJA KPPV KE PERAK | 30 Julai 2025

MYBr. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar diiringi YBr. Dr. Saifullizam bin Abd. Kadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak mengadakan lawatan kerja dan libat urus di projek-projek ternakan di Negeri Perak pada 30 Julai 2025.

Seterusnya KPPV menghadiri lawatan kerja rasmi dan sesi libat urus bersama ahli-ahli kelompok padang ragut yang terlibat di Padang Ragut Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga Kanan, Kampung Gajah dan Padang Ragut Ayer Kuning, Mukim Chenderiang Air Kuning, Perak.

Agenda pertama dimulakan dengan taklimat lawatan kerja ke lapangan di DVS Negeri Perak.



Success Story Calon Anugerah Penternak Jaya

BERMULA BANTU BAPA, KINI PENGUSAHA LEMBU PEDAGING BREEDLOT | Amin (Kelantan)

Minat memternak bermula pada tahun 2005 dengan membantu bapanya memternak 2 ekor lembu betina. Encik Mohd Amin bin Mohd Salleh, pengusaha Ejas Boh Cattle Farm di Bachok, Kelantan yang berkeluasan 5 ekar ini memfokuskan penternakan lembu pedaging Breedlot baka Charolais, Limousin dan Blonde.

Beliau mula membiakkan ternakan beliau dengan kaedah pernian beradas melalui perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada tahun 2006.

Menjelang tahun 2017, populasi ternakan lembu Encik Amin mula bertambah dan beliau membuat keputusan untuk mendapatkan bimbingan secara insentif oleh DVS Negeri Kelantan dan tahun yang sama juga ladang beliau mendapat persijilan Sistem Penternakan Lembu Naimbif.

Tahun 2019, beliau mendapat bantuan Skim Rezeki Ternak iaitu mesin chopper. Beliau juga turut mengikuti Kursus Pernian Beradas Lembu dan hasilnya setahun selepas itu, tahun 2020 beliau mendapat tauliah sebagai Jurusuntik Pernian Beradas (DIY AI).

Peluang penternakan beliau semakin bertambah dengan mendapat bantuan geran Program Agropreneur Muda iaitu menaiktaraf kandang pada tahun 2021. Pada tahun yang sama juga beliau menyertai pula Kursus Keratan Daging.

Hasil usaha gigih beliau, tahun 2022 menyaksikan ladang Encik Amin menjadi salah satu ladang lembu pedaging breedlot yang menjadi tumpuan pelawat dan pembeli dari dalam serta luar negara dan seterusnya mendapat bantuan PIKK 60% meliputi makanan ternakan, mesin *chopper* dan ternakan pada tahun 2023.

Beliau yang juga berjaya mengawal dan menangani beberapa masalah dengan bimbingan/nasihat DVS antaranya:

- Memperketatkan kawalan biosekuriti bagi mengurangkan risiko penyakit;
- Menyertai Kursus Pernian Beradas Lembu sehingga ditauliahkan sebagai DIY AI;
- Mewujudkan satu rekod ladang yang bertujuan mengurus ternakan seperti pembiakan, kelahiran dan rawatan menerusi Jadual Lawatan Terancang;
- Menyewa dan mengusahakan tanah

penduduk berdekatan yang terbiar untuk mengatasi kawasan tanaman rumput terhad; dan

- Mengikuti program pemvaksinan anjuran DVS secara berkala untuk mendalami maklumat cara untuk mengatasi ancaman terhadap penyakit haiwan seperti FMD dan LSD.

Beliau juga tidak lupa untuk mengaplikasikan inovasi dalam pengurusan ladang beliau antaranya penggunaan *effective microorganism* (EM) di dalam kolam kumbahan bagi mengurangkan pencemaran bau. Selain itu, Encik Amin juga mengubahsuai *travis manual* kepada *travis* yang mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk memudahkan kerja pengekangan ternakan semasa menjalankan aktiviti seperti pernian beradas (AI) dan program kesihatan ternakan.

Selain itu Encik Amin juga menerima Akreditasi Sistem Penternakan Lembu Naimbif pada tahun 2018, diikuti pentauliahkan sebagai Jurusuntik Pernian Beradas (DIY AI) oleh Majlis Veterinar Malaysia (MVC). Pada tahun 2022, beliau memenangi 3 anugerah di Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPNK) Negeri Kelantan iaitu Anugerah Induk Terbaik Charolais, Anugerah Induk Terbaik Limousine dan Anugerah Anak Betina Muda Terbaik Charolais. Seterusnya pada tahun 2023 di HPPNK Negeri Kelantan juga beliau sekali lagi Berjaya menggondol 3 anugerah iaitu Anugerah Anak Muda Betina 3 Terbaik Charolais, Anugerah Anak Muda Betina 3 Terbaik Limousine dan Anugerah Anak Muda Betina 3 Terbaik Blonde.

- Encik Mohd Amin bin Mohd Salleh merupakan calon bagi Anugerah Penternak Jaya sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2025 di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.



INGIN MENJADI PEMBEKAL BAKA TERULUNG DI MALAYSIA | Azman (Pahang)

Pada awal tahun 2000, beliau bermula dengan 20 ekor ternakan sahaja. Namun, dengan berkat minat, usaha dan kegigihan beliau, kini beliau memiliki populasi ternakan semasa sebanyak 713 ekor!

Encik Aznan Chik yang berusia 56 tahun merupakan penternak lembu pedaging di ladang beliau yang terletak di Ladang Felda Triang 2, Triang, Pahang.

Pada tahun 2008, Encik Aznan menerima bantuan ternakan di bawah Skim Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBK) sebanyak 80 ekor daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Namun, dalam masa tiga bulan pertama, ternakan yang diterima beliau mengalami masalah kesihatan yang tidak diketahui puncanya sehingga menyebabkan 34 ekor lembu yang diterima mati.

Selepas kejadian tersebut, Encik Aznan mula belajar dengan lebih mendalam mengenai bidang penternakan. Selain itu, beliau juga kerap mendapatkan kerjasama dan khidmat nasihat daripada DVS daerah Bera. Alhamdulillah, populasi ternakan beliau meningkat naik dan tahap kesihatan ternakan beliau juga bertambah baik serta terkawal melalui program kesihatan secara berkala dan bimbingan di bawah program pengembangan Veterinar (PPV) daerah.

Kini populasi ternakan semasa Encik Aznan meliputi pejantan sebanyak 100 ekor, induk sebanyak 250 ekor, pejantan muda (30 ekor), betina muda (50 ekor), anak jantan (98 ekor) dan anak betina sebanyak 185 ekor.

Dengan ladang berkeluasan 90 kaki x 100 kaki, beliau mengupah 2 pekerja tempatan untuk menjaga haiwan-haiwan ternakannya yang menggunakan sistem lepas bebas di bawah integrasi.

Antara kemudahan asas yang disediakan di kandang beliau antaranya elektrik mesin perincih, generator, solar, pagar elektrik, palung makanan, stor makanan, ramp dan celong selain 2 buah kolam kumbahan untuk pembuangan sisa pepejal/ cecair.

Antara aktiviti kesihatan yang telah beliau ikuti seperti:

- Pemvaksinan FMD (Oktober, Disember 2024)
- Pemvaksinan LSD (Oktober, Disember 2024)
- Program Survelan Kebangsaan (Oktober 2024)
- Program kawalan penyakit (November 2024)
- Kawalan pergerakan ternakan (Mac, September 2024)

Selain penternakan, Encik Aznan yang turut menjalankan perusahaan kelapa sawit secara sampingan turut aktif dalam perkongsian maklumat termasuklah sesi perkongsian kisah kejayaan di dalam penternakan lembu pedaging sempena Program Madani Rakyat Zon Timur 2024 yang telah diadakan di Kuantan, Pahang pada Julai tahun 2024.

Beliau juga membantu para penternak di bawah komuniti beliau dengan memberikan ternakan secara sistem pawah iaitu sebanyak 40 ekor lembu seorang dan sehingga kini beliau telah membantu seramai 4 orang penternak.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah beliau terpilih sebagai pemenang tempat pertama success story bagi Kategori Pengembangan Veterinar Terbaik di Konvensyen Pengembangan Veterinar Tahun 2024.

Selain itu Encik Aznan juga merupakan penerima Anugerah Penternak Jaya tahun 2022 dan penerima Anugerah Wira Agro 2021 bersempena Karnival Agromakanan Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Pahang Tahun 2022.

Untuk masa depan, Encik Aznan mempunyai impian dan merancang untuk menambah kawasan ragutan seluas 100 hektar. Selain itu, beliau juga ingin mewujudkan "bull park" untuk lembu jantan berumur lebih daripada setahun dan menjadi pembekal baka terulung di Malaysia khususnya di negeri Pahang selain menambah bilangan induk betina beliau daripada 300 ekor menjadi 500 ekor.

- Encik Aznan Chik merupakan calon bagi Anugerah Penternak Jaya sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2025 di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.



DARI SUKA-SUKA, KINI MENJADI MINAT UTAMA | Jason Lee (Sabah)

Bermula dengan memelihara kambing secara suka-suka pada awal tahun 2014, siapa menyangka kini ia menjadi aktiviti utama yang mendatangkan pendapatan lumayan.

Encik Lee Nyuk Soon atau Jason Lee yang kini mengurus Borneo Integrated Farm yang terletak di Kampung Tombovo-Duvanson, Putatan, Sabah menumpukan perniagaan ternakan kambing pedaging (Cross Boer), kambing tenusu (Saanen) dan bebiri (Dorper), rusa (Timorensis sp).

Penternakan yang dijalankan di tanah milik beliau sendiri kini mempunyai 7 orang pekerja tempatan. Antara kemudahan asas yang disediakan di kandang adalah seperti wash bay, palung makanan, *chopper*, *feed mixer*, stor makanan, rumah pekerja dan kawasan ladang berpagar zink.

Kemudahan biosekuriti turut dibina di kawasan tersebut antaranya hanya satu pintu untuk aktiviti keluar masuk, penyediaan *wash bay*, *foot dip* di setiap tangga kandang, program pencegahan kawalan dan pembasmian penyakit, pengurusan rekod dan kandang pemisah bagi ternakan yang sakit.

Sehingga Mac 2025, populasi ternakan beliau adalah 788 ekor melibatkan kambing pedaging sebanyak 585 ekor, kambing tenusu (48 ekor), bebiri (120 ekor) dan rusa (35 ekor).

Meskipun telah lama berkecimpung di dalam penternakan, Encik Jason Lee tidak pernah jemu dalam meningkatkan kemahiran sendiri beliau. Beliau aktif mengikuti kursus-kursus asas perternakan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Beliau juga sering bekerjasama dengan pihak DVS antaranya bekerjasama menyediakan tempat amali untuk kursus penanaman dan penyediaan silaj napier bagi program Kebuniti MADANI pada November 2023. Encik Jason Lee juga menerima pelajar untuk latihan industri/ praktikal bagi pelajar universiti/ kolej komuniti/ kolej sejak tahun 2018 hinggalah sekarang.

Selain penternakan, Encik Jason Lee turut menjalankan aktiviti/perniagaan secara sampingan seperti Vermikompos (*African Night Crawler*), ternakan ayam kampung dan ikan air tawar, penanaman cili secara fertigasi (4 buah rumah hijau), penanaman kelapa, durian, avokado serta kedai sejuk beku.

Terdapat dua cawangan kedai sejuk beku Borneo Integrated Farm Cold Storage iaitu di Bandar Baru,

Keningau dan Royal Plaza, Putatan yang menjual pelbagai hasil ternakan dan tanaman seperti susu kambing, daging kambing, daging rusa, ayam kampung dan cili Vermikompos.

Di masa depan, Encik Jason Lee ingin memperbanyakkan lagi mengikuti kursus-kursus berkaitan penternakan anjuran DVS. Beliau turut ingin menjadi sebuah hab penternakan kambing, bebiri dan rusa yang berkualiti di samping mengembangkan potensi ladang beliau untuk menjadi sebuah pusat *edu-tourism*.

Beliau juga mempunyai perancangan untuk mengeksport kambing-kambing ternakan beliau ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan negara jiran iaitu negara Brunei Darussalam selain mendapatkan pengiktirafan MyGAP.

Where there is a WILL, there is a Way!

***Encik Jason Lee merupakan calon bagi Anugerah Penternak Jaya sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2025 di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.



INGIN LEBIH RAMAI PENTERNAK MUDA JADI JURUSUNTIK PERMANIAN BERADAS | Alias (Terengganu)

PBermula pada tahun 1998, kini Encik Alias bin Ismail, penternak yang mengusahakan sebanyak 79 ekor lembu yang dijalankan secara integrasi di ladang miliknya sendiri yang terletak di Kampung Sungai Binjai, Hulu Terengganu, Terengganu.

Mempunyai populasi ternakan semasa iaitu induk sebanyak 35 ekor, pejantan muda sebanyak 5 ekor, betina muda (8 ekor), anak jantan (13 ekor) dan anak betina sebanyak 18 ekor, Encik Alias mengupah pekerja tempatan untuk membantu beliau mengusahakan kandang ternakannya yang dilengkapi kemudahan biosekuriti seperti pagar perimeter dan pagar elektrik serta tenaga solar sebagai sumber bekalan elektrik. Kandang beliau yang berkeluasan 100' x 80' yang mampu menempatkan 100 ekor lembu dalam satu masa turut disediakan sistem parit bagi tujuan pembuangan sisa seterusnya digunakan untuk tanaman.

Antara jenis makanan yang diberikan kepada ternakan beliau adalah rumput napier, silaj, batang jagung dan juga pkc. Selain itu, Encik Alias turut memberikan sumber makanan seperti ketum ayam, indigofera dan mulberry sebagai makanan sampingan yang tinggi protein yang baik tumbesaran ternakan.

Encik Alias turut bertanggungjawab mengurus aktiviti dan Lawatan Terancang Berjadual (LTJ) ke ladangnya pada Ogos 2024, dan Januari 2025. LTJ ini termasuklah program kesihatan, rawatan ternakan, pemantauan ladang, khidmat nasihat dan bancian ternakan.

Bukan sahaja penternakan, beliau juga menjalankan perniagaan sampingan antaranya jualan rumpur napier, juala silaj, jagung, ikan air tawar, jualan landak. Teknik pemasaran ini dijalankan di dalam pasaran tempatan melalui kaedah bersemuka iaitu jaringan pemasaran sesama para penternak.

Meskipun sibuk dengan penternakan yang semakin berkembang, beliau masih tidak lupa untuk berkongsi maklumat dengan penternak lain. Encik Alias turut menjadi mentor kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Bukit Diman dan juga aktif menyampaikan ceramah kepada PPK lain. Manakala dalam aktiviti pembakaan, beliau menjalankan dari daerah Setiu sehinggalah ke daerah Kemaman yang merangkumi seramai 255 orang penternak setahun.

Encik Alias juga turut bekerjasama dengan pihak DVS Negeri Terengganu dan VeTEC dengan menjadi penceramah dan penyedia lokasi untuk kursus.

Beliau turut mengaplikasikan inovasi di dalam penternakan beliau di mana Encik Alias mencipta tempat rawatan mudah alih untuk kemudahan

para penternak. Sehingga kini, inovasi tersebut yang berharga RM1300.00/ unit telah berjaya dijual sebanyak 10 unit.

Kerana keaktifan, kesungguhan dan kreativiti beliau itulah beliau dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Penternak Jaya Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Terengganu bagi tahun 2024.

Di masa depan, Encik Alias merancang untuk membimbing lebih ramai golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang penternakan lembu seterusnya menggalakkan golongan tersebut untuk menceburkan diri dalam aktiviti permanian beradas sebagai jurusuntik.

Selain itu, beliau juga ingin memaksimumkan kapasiti ternakan sebanyak 100 ekor, merencanakan aktiviti jualan anak muda di samping memperluaskan jaringan pasaran penternakan beliau.

- Encik Alias bin Ismail merupakan calon bagi Anugerah Penternak Jaya sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang akan diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2025 ini di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.



1 Hingga 3 Ogos HPPNK Sabah

KERJASAMA STRATEGIK DVS DAN AGROBANK DALAM MEMPERKASAKAN PENTERNAK RUMINAN | 2 Ogos 2025



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Agrobank memeterai kerjasama strategik yang bertujuan memperkasa penternak ruminan dengan menyediakan kemudahan pembiayaan khusus serta sokongan geran padanan kerajaan sehingga 90% pada 2 Ogos 2025 bertempat di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.

Kerjasama ini dimeterai oleh YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Y.M. Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden /Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, dan disaksikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bersama YBhg. Datuk Yunus Abd Ghani, Pengerusi Agrobank.

Dengan pengurangan beban modal permulaan, pembiayaan mudah akses dan sokongan teknikal yang berterusan, inisiatif ini dilihat bukan sekadar penyediaan pembiayaan, tetapi

merupakan satu sistem sokongan menyeluruh kepada agropreneur dalam mentransformasikan sektor ruminan negara menjadi industri yang moden, inklusif dan mampan.

Kerjasama ini merangkumi tiga program utama pembangunan industri ruminan peringkat kebangsaan, iaitu Program Pengganda 30 bagi penternak lembu pedaging, Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara bagi penternak lembu tenusu, dan Program Peningkatan Ruminan Kecil bagi penternak kambing dan bebiri.

Di bawah inisiatif ini, Agrobank akan menyediakan kemudahan pembiayaan bersasar untuk perolehan ternakan, kelengkapan ladang dan pembangunan infrastruktur.

DVS akan melaksanakan penyaluran bantuan geran secara imbuhan balik dengan nisbah seperti 90:10, 80:20 dan 70:30 bergantung kepada program yang terlibat. DVS turut melaksanakan pemantauan lapangan, latihan teknikal dan khidmat nasihat bagi


memastikan keberkesanan serta kelestarian pelaksanaan program.

Kerjasama ini menyokong sepenuhnya aspirasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). Kedua-dua dasar negara ini memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh keterjaminan makanan, memodenkan keusahawanan tani secara inklusif, mengurangkan kebergantungan kepada import daging dan tenusu serta memperkasakan ekonomi berasaskan agro terutamanya di kawasan luar bandar.

Agrobank menjangkakan inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada ratusan agropreneur di seluruh negara dalam tahun pertama pelaksanaannya, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Inisiatif ini telah dilancarkan secara rasmi bersempena dengan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah.

HPPNK 2025 KE SABAH PULA BAH!





Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 telah diadakan bermula dari 1 hingga 3 Ogos di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu, Sabah. Lebih 500,000 pengunjung hadir memeriahkan HPPNK 2025 yang bertujuan untuk mengiktiraf jasa dan sumbangan peladang, penternak, dan nelayan.

Kali ini, HPPNK 2025 yang diterajui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Sabah menampilkan pelbagai program dan aktiviti menarik kepada para pengunjung.

Terdapat Laman Ternakan yang menampilkan pameran haiwan hidup seperti kuda padi, lembu tenusu, kerbau putih, kambing, itik, arnab dan banyak lagi. Selain itu, para pengunjung boleh menikmati sendiri keenakan daging itik panggang dan telur masin yang dijual.

Manakala di dalam Dewan Kinabatangan pula, DVS mengadakan pameran statik, pameran MyFeed dan pertandingan/ pameran kucing cantik yang mendapat perhatian para pengunjung. Turut mencuri tumpuan adalah produk aiskrim dan bebola daging/ ayam hasil air tangan Unit Industri Asas Ternakan (IAT) di bawah Bahagian Pembangunan, DVS Sabah yang diedar secara percuma kepada pengunjung yang datang.

Terima kasih warga Sabah memeriahkan HPPNK 2025. Anda memang onsoi!

WAWANCARA PENGARAH DVS SABAH DI SELAMAT PAGI MALAYSIA | 2 Ogos 2025

YBrs. Dr. Mary Josephine S. Golingai, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah di Selamat Pagi Malaysia (SPM) sempena penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 membincangkan topik "SEKTOR PENTERNAKAN PENYUMBANG DALAM KELESTARIAN EKONOMI NEGERI SABAH" jam 8.55 pagi pada 2 Ogos 2025 bertempat di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.

Menurut Dr.Mary, tahun ini merupakan tahun bermakna kerana Sabah menjadi tuan rumah dan mengetengahkan potensi serta keunikan sektor penternakan di Sabah.

HPPNK 2025 juga menjadi platform untuk DVS mempamerkan hala tuju strategik sektor ternakan Sabah, selaras dengan kerangka Sabah Jaya,

termasuk program integrasi ternakan-sawit, pemerkasaan penternak dan agro-pelancongan.

"Sektor penternakan merupakan komponen penting dalam keselamatan makanan dan ekonomi luar bandar. Dengan menonjolkan sektor ini, kita ingin rakyat tahu bahawa penternakan bukan hanya sumber makanan semata-mata tetapi juga sebagai peluang ekonomi dan kerjaya".

Tambah Dr. Mary, Sabah mempunyai kelebihan seperti zon bebas FMD dan keluasan tanah yang sesuai untuk integrasi ternakan-sawit. Selain itu, DVS Sabah juga giat memajukan industri ternakan melalui program pensijilan, pembangunan baka tempatan dan promosi produk halal berimpak tinggi.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) 2025 | 3 Ogos 2025

Majlis Perasmian Penutupan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim, bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah.

Majlis berlangsung dalam suasana meriah dengan kehadiran para peladang, penternak, nelayan serta pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat yang turut memeriahkan sambutan edisi ke-50 HPPNK kali ini.



ENCIK JASON LEE: PEMENANG ANUGERAH PERDANA DAN ANUGERAH PENTERNAK JAYA HPPNK 2025 | 3 Ogos 2025

Mahniah diucapkan kepada Encik Lee Nyuk Soon atau Jason Lee dari Borneo Integrated Farm yang telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Perdana dan pemenang Anugerah Penternak Jaya sempena Pertandingan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) Tahun 2025 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 3 Ogos 2025 di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah.

Tahniah! Semoga dengan kejayaan Encik Jason Lee ini akan menjadi pemangkin semangat untuk meningkatkan taraf sektor penternakan di Malaysia.



ANTARA WAJAH-WAJAH CERIA PETUGAS HPPNK 2025 SEPANJANG 1 HINGGA 3 OGOS 2025



TERIMA KASIH ATAS KEPIMPINAN DAN KHIDMAT BAKTI | 1 Ogos 2025

Clock-out terakhir YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 1 Ogos 2025 setelah 35 tahun berkhidmat kepada negara.

Selamat bersara dan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas kepimpinan dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada perkhidmatan awam, khasnya dalam sektor penternakan negara.

Semoga YBrs. Dr sentiasa sihat sejahtera dan berada dalam rahmat serta lindungan Yang Maha Esa jua.



*Kalau ada sumur di ladang
Boleh kita menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang
Boleh kita berjumpa lagi*

LAWATAN KERJA KE LADANG PEMENANG ANUGERAH PERDANA DAN ANUGERAH PENTERNAK JAYA HPPNK 2025 | 4 Ogos 2025



Lawatan kerja Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Ibu Pejabat Putrajaya ke ladang pemenang Anugerah Perdana dan Anugerah Penternak Jaya HPPNK 2025, Encik Lee Nyuk Soon @ Jason Lee yang terletak di Kampung Tombovo- Duvanson , Putatan, Sabah.

Selain mengiringi sepanjang lawatan, beliau turut meluangkan masa berkongsi cerita bagaimana beliau mula berkecimpung dalam bidang penternakan kambing.

Sambil berseloroh, beliau kata orang kerap berpandangan penternakan ini hanya dilakukan oleh orang-orang tua dan sering dipandang rendah (tidak kaya). Itu persepsi yang ingin diubah oleh Encik Jason.

Beliau turut berkongsi konsep 3P yang diamalkan

beliau iaitu Passionate (minat), Patient (sabar) dan Perseverance (ketekunan).

Sekali lagi, tahniah Encik Jason Lee atas kemenangan di HPPNK 2025 dan semoga perniagaan penternakan tuan akan terus bertambah maju.

Onsoi!!!



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENGUJITERIMA 12 UNIT KENDERAAN KHAS PERKHIDMATAN LAPANGAN | 4 Ogos 2025

Majlis penyerahan Projek Membekal, Memasang, Menguji dan Mengujiterima 12 unit Kenderaan Khas Perkhidmatan Lapangan (Specific Mobile Service Vehicle) untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah berlangsung pada 4 Ogos 2025 bertempat di Institut Pengurusan Veterinar, Cheras.

Projek ini merupakan kerjasama strategik antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Radifleet Sdn Bhd selaku syarikat pembekal.

Kenderaan ini akan digunakan sepenuhnya dalam Program Pembiakbakaan Ternakan di ladang-ladang penternak, terutamanya dalam aktiviti seperti pernianan beradas, diagnosis kebuntingan dan pengumpulan data reproduktif.

Pengukuhan perkhidmatan ini adalah penting bagi memastikan capaian teknologi pembiakan moden

dapat diperluaskan kepada lebih ramai penternak, meningkatkan kadar kelahiran dan produktiviti ternakan ruminan negara, serta menyumbang kepada daya tahan rantaian bekalan makanan negara.

Syabas dan tahniah diucapkan.



LAWATAN KERJA YB KPKM KE ECO YAP | 5 Ogos 2025

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Ladang Eco Yap di Keningau pada 5 Ogos 2025.

Lawatan ini turut disertai YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Lawatan ini bertujuan melihat kaedah dan pengoperasian ladang yang baik dan tersusun serta mesra alam sekitar.

Dalam lawatan ini turut dibincangkan beberapa inisiatif dan kerjasama dalam memajukan sektor pertanian di kawasan pedalaman Sabah.

Terdahulu YB Menteri telah dibawa melawat beberapa projek yang diusahakan antaranya ternakan lembu, pembuatan baja kompos dan ternakan ikan kolam air tawar.

MESYUARAT SERANTAU RANGKAIAN ONE HEALTH ASEAN PERTAMA (AOHN) | 5 Ogos 2025

Mesyuarat Serantau Rangkaian One Health ASEAN Pertama (First ASEAN One Health Network Meeting – AOHN) telah berlangsung dari 5 hingga 7 Ogos 2025 di Putrajaya.

Mesyuarat bersejarah ini menghimpunkan penyertaan daripada 10 negara anggota ASEAN, iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, termasuk pemerhati Timor-Leste serta Malaysia selaku tuan rumah dan Pengerusi ASEAN 2025.

Rangkaian One Health ASEAN (ASEAN One Health Network) telah ditubuhkan pada tahun 2024 sebagai platform serantau untuk memperkukuhkan pelaksanaan One Health Initiative, hasil daripada ASEAN Leaders' Declaration on One Health Initiative yang telah dipersetujui semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 pada 10 Mei 2023.

Penglibatan aktif anggota mesyuarat turut membuka ruang kepada pembangunan kapasiti dan latihan rentas sektor dalam kalangan pegawai-pegawai berkaitan di negara-negara anggota.

Sepanjang tiga hari persidangan ini, para delegasi dari negara-negara anggota ASEAN dan badan sektoral telah berkongsi pandangan, memperkukuh kerjasama serta merangka pelan tindakan serantau ke arah pendekatan One Health yang lebih tersusun dan bersepadu.

Penglibatan aktif semua pihak mencerminkan komitmen bersama dalam menangani isu kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar secara holistik di peringkat serantau.

Mesyuarat ini diharap dapat memperkukuh lagi komitmen dan tindakan bersama negara-negara ASEAN dalam menangani cabaran kesihatan secara holistik melalui pendekatan One Health.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua delegasi atas penglibatan dan sokongan sepanjang mesyuarat ini. Malaysia berbangga menjadi tuan rumah dan mengalu-alukan kerjasama berterusan dalam inisiatif One Health ASEAN.



DR HISHAM TERIMA DATUK

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron atas pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) yang membawa gelaran "Datuk".



Setinggi-Tinggi Ucapan

Tahniah

YBHG. DATUK DR. MOHD NOOR HISHAM BIN MOHD HARON
Pegawai Kanan
Bahagian Perancangan Strategik dan
Penilaian Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

atas pengurniaan
DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M.)
yang membawa gelaran "Datuk"

sempena
**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH, BINTANG,
DAN PINGAT KEBESARAN, NEGERI MELAKA
SEMPENA HARI JADI KE-76 TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA TAHUN 2025**

pada
25 OGOS 2025

Ikhlas daripada
**PENGURUSAN TERTINGGI DAN WARGA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

 Jabatan Perkhidmatan Veterinar

LIVESTOCK MALAYSIA 2025 | 27 – 29 Ogos 2025



Livestock Malaysia 2025 telah diadakan dengan meriah bermula 27 sehingga 29 Ogos 2025 bertempat di KLCC, Kuala Lumpur.

Majlis Perasmian Livestock Malaysia 2025 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) yang diadakan pada 27 Ogos 2025 telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Turut hadir, YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, serta YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat, Pengerusi Informa Markets Malaysia.

Acara ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam industri ternakan, makanan

haiwan, dan kesihatan veterinar bagi memperkukuh kerjasama strategik, memperkenalkan teknologi baharu serta memperluas jaringan industri.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berperanan sebagai agensi teknikal yang menyokong aspirasi negara dalam memastikan keselamatan makanan dan kemajuan industri ternakan yang mampan.

Dalam program ini, DVS turut terlibat dalam sesi perkongsian iaitu:

1. Dr. Khairina Akmar binti Khalid : Ternakan Bebas Penyakit: Pemangkin Ekonomi Penternak dan Jaminan Keterjaminan Makanan.
2. Dr. Siti Hajar Nor binti Mohamad : Kepungan Unggas dan Self -Regulated Salmonella



MALAYSIA DAN THAILAND PERKUKUH KERJASAMA TERNAKAN DALAM MESYUARAT BERSAMA KE-12 | 1 September 2025



The 12th Joint Thailand-Malaysia Sub-Committee Meeting on Livestock Development yang menghimpunkan delegasi kedua-dua negara dalam usaha memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang kesihatan haiwan, perdagangan ternakan dan keselamatan biosekuriti telah berlangsung dengan jayanya bermula 1 hingga 3 September 2025 di Pasir Puteh, Kelantan.

Mesyuarat rasmi pada 2 September 2025 dimulakan dengan ucapan oleh pengerusi bersama dari Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia dan Department of Livestock Development (DLD) Thailand, diikuti pembentangan status semasa penyakit haiwan di kedua-dua negara, serta perbincangan berkaitan kerjasama kesihatan haiwan, pengeluaran ternakan, dan perdagangan rentas sempadan.

Antara agenda penting termasuk laporan hasil mesyuarat ke-11, pengemaskinian titik hubungan rasmi, serta cadangan tempat dan tarikh mesyuarat bagi tahun 2026. Mesyuarat ditutup dengan ucapan

penutup, diikuti sesi santai dan lawatan lapangan di sekitar Pasir Puteh.

Pada 3 September 2025, delegasi dibawa melawat fasiliti Malaysia Quarantine and Inspection Services (MAQIS) untuk sesi teknikal. Program dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh pegawai MAQIS, diikuti taklimat mengenai fungsi kuarantin, prosedur import/eksport haiwan, serta sesi lawatan ke kawasan penahanan ternakan dan demonstrasi protokol biosekuriti.



LAWATAN KERJA YBM KPKM KE F&N AGRI VALLEY | 2 September 2025

T Lawatan kerja YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke F&N Agri Valley pada 2 September 2025 yang terletak di Gemas, Negeri Sembilan.

Dalam lawatan tersebut, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu yang diiringi YBhg. Dato' Raffiq bin Md Ariff (Pengarah Urusan Makanan dan Libat Urus Industri F&N), YBrs. Dr. Yap Peng Kang (Pengarah Urusan Pertanian dan Ladang Tenusu F&N), YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (EXCO (Kanan) Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup), dan YBhg. Dato'. Dr. Ahmad Shafri bin Hassan (Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, DVS) turut dibawa meninjau pengoperasian lembu

tenusu dan kawasan sekitar milik Fraser & Neave Holdings Bhd.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kemajuan projek penternakan susu berskala besar di F&N Agri Valley seterusnya memperkukuh hubungan antara KPKM dan pemegang taruh utama dalam industri tenusu negara.

Lawatan ini turut memberi gambaran jelas bagaimana pelaburan swasta mampu menggerakkan pembangunan industri tempatan, sambil menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Ladang tenusu seluas 2,000 ekar ini dilengkapi kemudahan moden serta teknologi terkini.

Projek ini dibangunkan dalam tiga fasa, dan kini berada di fasa pertama. Apabila siap sepenuhnya kelak, ladang ini

dijangka menghasilkan sehingga 200 juta liter susu setahun, dengan pengeluaran semasa sudah mencecah 40,000 liter susu segar sehari.

Inilah contoh terbaik kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta yang wajar dijadikan teladan. Semoga akan lebih banyak pelaburan sebegini agar industri tenusu negara terus berkembang, rakyat mendapat manfaat secara langsung, dan Malaysia lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Turut hadir YBhg. Dato' Haji Najmuddin Sharif bin Sarimon (Ketua Pegawai Eksekutif Invest NS), YBrs. Encik Jazman Azi bin Jamalludin (Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, KPKM) dan YBrs. Encik Muhamad Aziyan bin Hussim (Timbalan Pengarah (1) Bahagian Pertanian Kementerian Ekonomi).



DVS @ SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 2025/1447H | 5 September 2025



YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar dan warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar antara jabatan kerajaan yang turut menyertai Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2025/1447H yang diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada 5 September 2025.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke majlis memperingati kelahiran Rasulullah SAW yang bertemakan "Membangun Ummah MADANI" itu.

Seramai 6,104 peserta dengan 119 kontinjen menyertai perarakan sambutan sejauh 1.1 kilometer bermula dari kawasan parkir utama menuju ke Dewan A MAEPS.

Tahun ini, pengengaruh dan usahawan popular, Khairul Amin Kamarulzaman atau lebih dikenali sebagai Khairul Aming menerima anugerah bagi kategori Usahawan/Teknokrat Berjaya, manakala pelakon, Angeline Tan bagi kategori Saudara Baru Cemerlang (Mualaf).

LAWATAN KERJA KE LADANG KAMBING SUSU DI KG. BIAH, KELANTAN | 7 September 2025

Lawatan kerja YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar diiringi YBr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah DVS Negeri Kelantan ke ladang kambing susu milik Encik Mohammad Ridzuan bin Abdul Halil yang terletak di Kg. Biah, Kota Bharu, Kelantan pada 7 September 2025.

Encik Mohammad Ridzuan yang bermula memelihara kambing susu pada tahun 2010 mula menjadi usahawan produk tenusu dengan menghasilkan produk tenusu sendiri jenama Saudagar Susu.

Beliau yang pernah dianugerahkan Anugerah Penternak Jaya sempena Karnival Bio Kelantan tahun 2023 juga turut diiktiraf sebagai Peserta Sijil Bebas Brucella Melitensis DVS Negeri Kelantan.

Selain kambing tenusu baka Saanen sebanyak 92 ekor, beliau turut memelihara lembu pedaging baka Charolais sebanyak 25 ekor dan lembu tenusu baka Friesian dan Jersey sebanyak 35 ekor.

Semoga penternakan Encik Mohammad Ridzuan semakin maju dan menjadi pencetus inspirasi kepada penternak muda khususnya.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK KANDANG TERTUTUP KELFARM SDN BHD | 7 September 2025



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Projek Kandang Tertutup Kelfarm Sdn Bhd Seribong di Kota Bharu, Kelantan 7 September 2025.

Hadir sama YB Dato' Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail, EXCO Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Negeri Kelantan, YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar serta YBr. Dr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah DVS Negeri Kelantan.

Projek Kelfarm Sdn. Bhd. bersama rakan kolaborasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ini diyakini mampu melakar anjakan baharu dalam sektor ternakan, sekali gus menyumbang kepada keterjaminan makanan negara dan peluang ekonomi untuk agropreneur muda.

Projek ini juga bakal menjadi pemangkin kepada industri penternakan baka Wagyu premium di Kelantan dengan mengaplikasikan sistem moden berteknologi tinggi serta menekankan aspek biosekuriti dan kebajikan haiwan.

KPKM melalui DVS akan terus menyokong inisiatif seperti ini agar Malaysia mampu berdiri sama tinggi sebagai pengeluar makanan berkualiti di peringkat antarabangsa sekaligus memperkukuh bekalan makanan negara, mengurangkan kebergantungan import, sambil membuka peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Kelfarm Sdn. Bhd. Semoga projek ini menjadi mercu tanda kemajuan industri ternakan negara dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi tempatan.



SEMOGA ADIK FIRDAUS SEMBUH SEGERA | 10 September 2025

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar melawat adik Firdaus, 5 tahun di Hospital Putrajaya yang menjadi mangsa serangan anjing di kawasan perumahan di Taman Megah, Batu 9, Cheras pada Rabu lalu.

Turut mengiringi adalah YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak (Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar), YBrs. Dr. Noraini Binti Ab Rahman (Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar), YBrs. Dr. Marzuna binti Md Yunos (Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan), dan YBrs. Dr. Mohd Faris bin Mohd Zin (Pegawai Veterinar Seksyen Kebajikan Haiwan).


Semoga Adik Firdaus akan diberikan kesembuhan dengan segera.



MAJLIS PERUNDINGAN INDUSTRI BABI (PIG INDUSTRY CONSULTATIVE COUNCIL) PICC TAHUN 2025 | 11 September 2025

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian, Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Industri Babi (Pig Industry Consultative Council) PICC Tahun 2025 yang telah diadakan pada 11 September 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Jabatan Pertanian, Wisma Tani, Putrajaya.

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan penyediaan platform perundingan dua hala antara pihak kerajaan dan industri bagi membincangkan isu semasa, cabaran serta hala tuju industri babi di Malaysia secara menyeluruh.



PROGRAM RAKAN PRIHATIN @ FURR EVER FRIENDS: KHIDMAT MASYARAKAT | 12 September 2025



YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar pada 12 September 2025 telah menghadiri Program Rakan Prihatin @ Furr Ever Friends: Khidmat Masyarakat yang diadakan di Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya, Presint 9, Putrajaya.

Program berbentuk sukarelawan dalam kalangan anak-anak muda Rakan Muda anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) ini turut menyaksikan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Perbadanan Putrajaya (BPH) sebagai rakan strategik turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, YBrs. Puan Azura binti Abidin, YBrs. Encik Mohamed Syaharil

bin Yahya (Penolong Pengarah Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya), YBrs. Puan Azura binti Haji Sarbin (Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan Rakan Muda, JBSN), YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak (Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar), para pegawai DVS, JBSN dan Perbadanan Putrajaya serta ahli-ahli Kelab Rakan Muda.

Program ini menawarkan sesi *grooming*, penyediaan makanan kucing yang bertujuan untuk menyebarkan kasih sayang dan kepentingan kesihatan kucing-kucing comel di Pusat Perlindungan Kucing berkenaan.

Dalam ucapan Puan Azura, beliau berharap program seperti

ini dapat diteruskan pada masa hadapan disamping membantu melindungi/ menyantuni kucing-kucing terbiar.

DVS turut terlibat dengan sesi perkongsian ilmu "Hands On Tips Penjagaan Haiwan" sebagai panduan kepada adik-adik sukarelawan yang terlibat. Terima kasih diucapkan atas semangat dan sifat prihatin adik-adik ke atas haiwan comel ini.



KUNJUNGAN HORMAT KAUNSELOR AGRIMAKANAN SERANTAU, KEDUTAAN PERANCIS | 19 September 2025

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia hari ini menerima kunjungan hormat daripada Tuan Philippe Lintanf, Kaunselor Agrimakanan Serantau, Kedutaan Perancis (Singapura) serta Cik Loubna Gheribi, Penganalisis Ekonomi, Kedutaan Perancis (Kuala Lumpur) pada 19 September 2025 di Putrajaya.

Pasukan DVS diketuai oleh YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar bersama pegawai daripada Seksyen Perkhidmatan Import Eksport, Seksyen Pemeriksaan & Pensijilan Veterinar, Seksyen Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, Seksyen Pembangunan Kompetensi dan Seksyen Antarabangsa.

Pertemuan ini memberi ruang untuk membincangkan perkembangan kerjasama sedia ada antara Malaysia dan Perancis. Diharapkan hubungan erat ini akan

terus memperkukuh kelancaran perdagangan haiwan serta produk haiwan, demi memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan negara sentiasa terpelihara.



KUNJUNGAN HORMAT KAUNSELOR PERTANIAN, KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT | 22 September 2025

Y Bhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron telah menerima kunjungan hormat daripada Cik Alicia Hernandez, Kaunselor Pertanian, Kedutaan Amerika Syarikat Kuala Lumpur pada 22 September 2025.

Cik Hernandez turut diiringi oleh Cik Katherine McBride (Atase Pertanian) dan En. Mohd Syafie bin Mohd Sait (Pakar Pertanian). Pasukan DVS yang diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham turut disertai oleh pegawai-pegawai berpengalaman daripada Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Seksyen-Seksyen Perkhidmatan Import Eksport, Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonosis, Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, Kawalselia Makanan Haiwan, dan Antarabangsa.

Pertemuan dua hala ini dianjurkan khusus untuk memperkukuh perdagangan haiwan dan produk haiwan serta meneroka potensi akses pasaran dan kerjasama baharu di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Kedua-dua pihak komited dalam memastikan hubungan kerjasama sedia ada terus berkembang dan mencapai matlamat dan hala tuju yang sama.



DVS @ PAMERAN ANJING ANTARABANGSA MKA (MALAYSIAN KENNEL ASSOCIATION) & PET FAIR | 26 September 2025

Pada 26 September 2025, YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar bersama YBrs. Dr. Marzuna binti Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar telah menghadiri Pameran Anjing Antarabangsa MKA (Malaysian Kennel Association) & Pet Fair yang sedang berlangsung di Pusat Pameran Pavilion Bukit Jalil bermula 25 hingga 28 September 2025.

Acara ini, yang meraikan ulang tahun ke-100 MKA, menampilkan pameran anjing antarabangsa, pertandingan penggilapan anjing, dan pameran haiwan peliharaan dengan pelbagai reruai dan aktiviti menarik.



"KEPENTINGAN KAWALAN PENYAKIT RABIES" | 30 September 2025

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar di wawancara Selamat Pagi Malaysia yang telah mengupas topik "KEPENTINGAN KAWALAN PENYAKIT RABIES" pada 30 September 2025 bertempat di studio Angkasapuri, Kuala Lumpur.



KEPENTINGAN KAWALAN PENYAKIT RABIES

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron
Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar

30 SEPTEMBER 2025 (SELASA)
9:05 PAGI

Logos: tv1, BERITA Cym, MYTV broadcasting, MALAYSIA MADANI, ASEAN



BENKEL MEMPERKASAKAN FARMAKOVIGILENS VETERINAR DAN KEUPAYAAN MENGESAN PRODUK VETERINAR SUBSTANDARD DAN PALSU | 1-3 Oktober 2025

Bengkel memperkasakan Farmakovigilens Veterinar dan Keupayaan mengesan Produk Veterinar Substandard dan Palsu anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama World Organisation of Animal Health (WOAH) telah berlangsung dari 1-3 Oktober 2025 Genting Highlands, Pahang.

Bengkel ini bertujuan untuk mengharmonikan dan memperkasakan pelaksanaan Program Farmakovigilens Veterinar di Malaysia bagi memastikan penggunaan Produk Veterinar (iaitu vaksin, kit ujian, biologik, antibiotik, antikulat, antiprotozo, antivirus, antitoksin, hormon anti-

radang, bius, analgesik, antiparasit, makanan haiwan berubat serta suplemen haiwan) selamat dan berkesan untuk kesihatan haiwan, keselamatan makanan dan kesihatan awam terutamanya dalam menangani isu rintangan antimikrobial (AMR).


Antara faedah daripada bengkel ini adalah; Meningkatkan Sistem Keselamatan Produk Veterinar, Melindungi Kesihatan Awam dan Keselamatan Makanan dan Menyokong usaha Negara menangani rintangan antimikrobial (AMR). Diperingkat nasional dan antarabangsa usaha ini membantu menjamin daya saing industri ekspot ternakan dan perikanan negara yang secara kumulatif

bernilai RM 3.4 billion setahun untuk jangka panjang.

Bagi menjayakan bengkel ini pihak WOAHO telah melantik Ausvet Pty Ltd untuk menilai Sistem Farmakovigilens Veterinar (PHV) dan Sistem Pelaporan bagi Produk Veterinar Substandard dan Palsu (SFVP). Seramai 27 peserta melibatkan pegawai DVS, Bahagian Regulatory Farmasi Negara (KKM), Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (KKM), Bahagian Kawalan Racun dan Perosak, Jabatan Pertanian, Bahagian Perikanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM).



DVS DI EKSPLO KUCING! | 3-5 Oktober 2025



Pada 3-5 Oktober 2025, DVS telah turut sama memeriahkan pameran Ekspo Kucing terbesar di MITEC, Kuala Lumpur. DVS mempamerkan segala maklumat dan informasi penting tentang Akta Kebajikan Haiwan dan Pendaftaran Kad Pengenalan Haiwan bagi memastikan pemilik haiwan kesayangan tahu cara yang betul dalam memastikan kebajikan haiwan mereka terpelihara.

PROGRAM LATIHAN SIMULASI LAPANGAN PENYAKIT RABIES | 6-8 Oktober 2025


Program latihan simulasi lapangan penyakit Rabies telah diadakan pada 6 hingga 8 Oktober 2025 bertempat di sekitar Kubang Pasu, Kedah.

Program ini dimulakan dengan taklimat oleh YBrs. Dr. Ummi Sumilah binti Mohd Johar, Ketua Bahagian Kesihatan DVS Kedah kepada para pegawai dan peserta yang akan menyertai latihan simulasi tersebut pada 6 Oktober.

Simulasi tersebut kemudiannya dijalankan pada 7 Oktober 2025 bertempat di sekitar Kubang Pasu dan Changlun, Bukit Kayu Hitam, Kedah yang bertujuan memberi latihan dalam modul senario yang direka untuk menguji potensi tahap kesiapsiagaan, pelan dan kemampuan tindakan pegawai, jabatan dan agensi yang berkaitan dalam menangani penyakit Rabies sekiranya ianya terjadi.

Pada 8 Oktober 2025, pembentangan laporan hasil latihan simulasi dalam memberi latihan dalam modul senario yang direka untuk menguji potensi tahap kesiapsiagaan, pelan dan kemampuan tindakan pegawai, jabatan dan agensi yang berkaitan dalam menangani penyakit Rabies sekiranya ianya terjadi.

Semoga negara kita akan mencapai status bebas Rabies menjelang tahun 2030.



MESYUARAT BILATERAL DI ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) MALAYSIA DAN NATIONAL PARKS BOARD (NPARKS) / ANIMALS AND VETERINARY SERVICE (AVS) / SINGAPORE FOOD SAFETY (SFA) TAHUN 2025 | 7 Oktober 2025



Mesyuarat telah berlangsung dengan jayanya dan telah dipengerusikan bersama oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar dan Dr. Chang Siow Foong, Ketua Pengarah AVS Singapura pada 7 Oktober 2025 di Johor Bahru.

Delegasi Malaysia terdiri daripada 23 orang pegawai manakala delegasi Singapura pula adalah seramai 17 orang yang mewakili pelbagai bahagian dan seksyen dalam jabatan/agensi masing-masing.

Pertemuan dua hala ini dianjurkan secara bergilir khusus untuk membincangkan dan memperkukuh hubungan sedia ada dan baharu yang melibatkan perdagangan haiwan dan produk haiwan kedua-dua buah negara.

Program diteruskan dengan lawatan lapangan ke Farm Fresh Milk Malaysia Berhad di Larkin pada waktu petang bersama Mr. Loi Tuan Ee (Managing Director), Encik Azmi bin Zainal (COO Farm Fresh Group) dan Encik Mohd Khairul bin Mat Hassan (CFO Farm Fresh Group). Delegasi Singapura dibawa untuk melihat dengan lebih dekat aktiviti pemprosesan susu segar sehingga terhasilnya pelbagai produk termasuk susu pasteuris, minuman yogurt dan susu berperisa. Farm Fresh juga merupakan antara pengeksport terbesar produk tenusu ke Singapura.

Malaysia dan Singapura komited dalam memastikan hubungan kerjasama sedia ada terus berkembang dan mencapai matlamat dan hala tuju yang sama.

"Veterinar Kompeten, Masyarakat Sejahtera"

SESI TAKLIMAT DAN SUAIKENAL BERSAMA PEGAWAI VETERINAR LANTIKAN BAHARU | 10 Oktober 2025



YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar menghadiri sesi taklimat dan suaikenal bersama Pegawai Veterinar lantikan baru DVS di Program Kursus Induksi pada 10 Oktober 2025 bertempat di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor.

Datuk Dr. Hisham turut menyampaikan amanat beliau kepada 10 orang pegawai veterinar yang ditempatkan di pelbagai bahagian dan stesen DVS di seluruh Malaysia.

DR. AIDA @ SELAMAT PAGI MALAYSIA | 12 Oktober 2025

Wawancara Selamat Pagi Malaysia (SPM) bersama YBr. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang telah diadakan pada 12 Oktober 2025 bertajuk "PENYAKIT RABIES: ACT NOW: YOU, ME, COMMUNITY".



DATUK HISHAM @ APA KHABAR MALAYSIA | 14 Oktober 2025

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar diwawancara Apa Khabar Malaysia yang telah mengupas topik PENYAKIT RABIES: "ACT NOW: YOU, ME, COMMUNITY" pada 14 Oktober 2025 di BERNAMA, Kuala Lumpur.



DR. NORHANA @ JENDELA FIKIR | 15 Oktober 2025

YBrs. Dr. Norhana Ayob, Ketua Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar di program JENDELA FIKIR @ Bernama Radio pada 15 Oktober 2025 di Bernama, Kuala Lumpur.

Beliau telah membincangkan topik "PENYAKIT RABIES: ACT NOW: YOU, ME, COMMUNITY", yang menekankan kepentingan tindakan bersama antara individu dan komuniti dalam menangani ancaman rabies di Malaysia.



SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2025 | 16 Oktober 2025

Sambutan Hari Sukan Negara 2025 Anjuran Kelab Sukan & Kebajikan Veterinar (KESUVET) telah diadakan pada 16 Oktober 2025, bertempat di Dewan Serbaguna KPKM, Putrajaya.

Program yang bertujuan mempromosikan gaya hidup sihat dan cergas serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga DVS ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya pertandingan Galah Panjang, pertandingan Dodgeball, lari dalam guni, "soccer suke-suke" dan gerai-gerai jualan makanan/ minuman.

Program ini telah dirasmikan YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Haron, Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar yang juga selaku Pengerusi KESUVET, diiringi YBhg. Dato' Dr. Ahmad Shafri bin Hassan, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA TAHUN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN | 18 Oktober 2025



Majlis Sambutan Hari Rabies Sedunia Tahun 2025 Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh YB Hilmi bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan pada 18 Oktober 2025 bertempat di Mydin Mall Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Acara ini merupakan acara tahunan yang penting bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya penyakit rabies dan cara untuk mencegahnya.

Hadir sama YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya dan YBrs. Dr. Yahasmida binti Yaacob, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

Selaras dengan tema global tahun ini, "Act Now: You, Me, Community", mesej tahun ini menyeru tindakan segera dan usaha bersama dalam memerangi dan mencegah rabies. Tema ini menekankan bahawa usaha membasmi dan mencegah rabies bukanlah tanggungjawab pihak berkuasa atau pakar kesihatan veterinar semata-mata, tetapi merupakan amanah bersama setiap individu, masyarakat dan komuniti global.

Usaha ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya rabies terhadap manusia dan haiwan, di samping menyalurkan maklumat serta langkah pencegahan penyakit ini.

Dalam ucapan YB Hilmi, pelbagai langkah kawalan termasuk program vaksinasi anjing secara berkala, rondaan menangkap anjing liar, serta kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi kesihatan telah dijalankan di Negeri Kelantan. Tanpa sokongan dan penglibatan masyarakat, segala usaha ini tidak akan mencapai kesan sepenuhnya.

Sementara itu Dr Aida dalam ucapan beliau berkata, sambutan kali ini amat signifikan kerana ia berlangsung ketika negara masih berdepan dengan kejadian kes rabies khususnya di Sarawak, yang telah meragut sebanyak 4 nyawa setakat ini bagi tahun ini.

"Situasi ini seharusnya menjadi peringatan tegas kepada kita semua tentang betapa seriusnya ancaman rabies, serta keperluan untuk terus memperkukuh langkah kawalan di sempadan, memperluas liputan vaksinasi haiwan, dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pemilikan haiwan yang bertanggungjawab serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku gigitan haiwan".

Bagi memperkukuhkan lagi keberkesanan program ini, DVS turut memperkenalkan mekanisme dayajajak melalui pemasangan mikrocip dan kad pengenalan haiwan untuk anjing bagi memudahkan pemantauan dan pengesanan haiwan yang telah divaksin.

DVS sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan kesejahteraan haiwan, kesihatan awam, dan keselamatan komuniti terus terpelihara selaras dengan matlamat nasional ke arah mencapai status Malaysia Bebas Rabies menjelang tahun 2030.



YANG DI-PERTUAN AGONG TERIMA MENGADAP MAQIS DAN DVS | 22 Oktober 2025



KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menerima mengadap Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) di Istana Negara pada 22 Oktober 2025.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar diwakili Datuk Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Haron, Pemangku Ketua Pengarah (DVS), manakala MAQIS diwakili Ketua Pengarah, Tuan Shamsul Akhbar Sulaiman,



LAWATAN KERJA KPPV KE LADANG RANGKAIAN DELIMA SDN BHD DAN YP PLANTATION HOLDINGS SDN BHD | 5 November 2025



YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, telah mengadakan lawatan kerja ke Ladang Rangkaian Delima Sdn. Bhd. dan YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. pada 5 November 2025.

Tujuan lawatan adalah untuk meninjau pelaksanaan Program Peningkatan Ruminan serta memperkukuh kerjasama strategik antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Ekonomi dan pihak industri dalam usaha memperkasakan sektor ternakan negara.

Lawatan ini turut disertai oleh YBhg. Datuk Zul Hadi bin Ahmad, Pengarah Bahagian Pertanian, Kementerian Ekonomi.

TAHNIAH DATUK HISHAM DAN DR. AIDA | 5 November 2025

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan YBrs. Dr. Aida binti Muhiid atas pelantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) berkuatkuasa pada 5 November 2025.

Seluruh warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menzahirkan ucapan tahniah dan selamat menjalankan amanah yang baharu.



LAWATAN KERJA KE LADANG AYAM SAGA MARDI | 6 November 2025

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengadakan lawatan kerja ke Ladang Ayam Saga di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Muadzam Shah, Rompin, Pahang.

Antara tujuan lawatan tersebut adalah bagi meninjau pengeluaran ayam saga, kacukan baka ayam kampung hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) MARDI.

Baka ayam kacukan itu dihasilkan menerusi kajian sejak 2008 serta dipasarkan lima tahun lalu, dengan dan sejak 2021 hampir 1.4 juta ayam saga dikeluarkan dan permintaannya terus meningkat namun pengeluaran masih terhad.

Turut mengiringi YB Menteri KPKM adalah YBhg Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi KPKM, SUB Bahagian di bawah KPKM dan lain-lain.



KPPV DI THE 9TH CHINA-ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SANITARY AND PHYTOSANITARY (SPS) | 14 November 2025

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar menghadiri The 9th China-ASEAN Ministerial Meeting on Sanitary and Phytosanitary (SPS) yang diadakan pada 13 November 2025 bertempat di Chongqing, China.

Mesyuarat ini menghimpunkan para menteri dari negara-negara ASEAN dan China bagi mengukuhkan kerjasama dalam aspek keselamatan makanan, kesihatan haiwan serta kesihatan tumbuhan termasuk Malaysia yang diwakili oleh YB Datuk Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Kerjasama ini memberi manfaat besar kepada ribuan pengusaha dan pekerja industri. Malaysia dan China juga sedang berbincang untuk membuka lebih banyak laluan eksport termasuk produk akuatik, unggas serta makanan haiwan.

Turut membanggakan apabila

Malaysia baru memeterai Protokol Baharu Eksport Sarang Burung Walet ke China, memastikan akses pasaran terbesar negara terus terbuka dan kukuh.

Selain menjadi langkah penting yang mengukuhkan lagi hubungan perdagangan pertanian antara kedua-dua negara protokol ini juga akan mengukuhkan semula kepercayaan China terhadap sistem kawal selia dan keselamatan makanan Malaysia sekaligus mengekalkan Malaysia sebagai negara ASEAN pertama yang dibenarkan mengeksport sarang burung mentah, bersih dan tidak bersih ke China.

Protokol baharu ini juga akan menjadi akses pasaran jangka panjang untuk industri EBN negara semakin terjamin. Industri ini kini bernilai RM2-2.2 bilion setahun, dengan eksport ke China sahaja mencecah RM1.5 bilion. Melalui sistem MyWalet yang menjejak lebih 15,000 rumah walit, Malaysia

terus memastikan standard kualiti dan ketelusan dipatuhi.

Semoga kerjasama SPS ini akan terus memperkukuh hubungan ekonomi dan rakan dagang di antara Malaysia dan China demi manfaat penternak, petani, nelayan dan seluruh rakyat Malaysia.



TKPKV @ APA KHABAR MALAYSIA | 14 November 2025

YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Veterinar) Jabatan Perkhidmatan Veterinar di wawancara bersama Apa Khabar Malaysia" BERNAMA yang mengupas topik "MAJLIS PELANCARAN ACCAHZ" pada 14 November 2025.

Hadir sama YBrs. Dr. Mohd Shafarin bin Shamsuddin, Pengarah Makmal Veterinar Zon Tengah yang juga selaku Interim ACCAHZ Coordinating Officer (IACO).



DR RAZLI TERIMA ANUGERAH | 15 November 2025

YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar merupakan antara lima penerima Anugerah Standard Kebangsaan anjuran Jabatan Standard Malaysia (JSM) sempena Majlis Perasmian MITI ASEAN Day 2025 yang telah diadakan pada 14 hingga 15 November 2025 bertempat di Menara MITI, Kuala Lumpur.

Dr. Razli yang merupakan Pakar Pembangunan Malaysian Standard (MS) dalam bidang pertanian, halal dan makanan menerima anugerah yang disampaikan oleh YB Tuan Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri ini diberikan kepada pakar-pakar yang terlibat dalam aktiviti pembangunan standard di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi menghargai komitmen mereka yang banyak memberi sumbangan besar dalam bidang standardisasi.



PERASMIAN ASEAN COORDINATING CENTRE FOR ANIMAL HEALTH AND ZOOSES (ACCAHZ) | 17 November 2025



YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diiringi YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah merasmikan ASEAN Coordinating Centre for Animal Health and Zoonoses (ACCAHZ) pada 19 November 2025 yang terletak di kompleks Makmal Kesihatan Awam Veterinar, Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Hadir sama Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber Utama dan Pelancongan, Brunei Darussalam, YBr. Dr. Diana Dennis dan YBr. Dr. Aida binti Muhid, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Veterinar).

ACCAHZ merupakan sebuah pusat penyelarasan ASEAN yang bertanggungjawab menyelaraskan/mengkoordinasi fungsi serta

aktiviti berkaitan kesihatan haiwan dan zoonosis bagi negara-negara serantau ASEAN. Peranan ACCAHZ ini juga amat penting dalam menyelaraskan aktiviti bagi memastikan kawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit haiwan terutamanya penyakit haiwan rentas sempadan dan zoonosis di semua negara-negara ASEAN.

Sehingga kini ACCAHZ dianggotai oleh 10 negara ASEAN yang telah menyempurnakan ratifikasi Perjanjian Penubuhan ACCAHZ 2016 iaitu Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand dan Vietnam.

Penubuhan ACCAHZ dilihat memberi manfaat dan impak yang sangat besar kerana ia menggalakkan kerjasama serantau dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa dalam membangunkan kerangka kawalan penyakit haiwan dan zoonosis serta pembangunan kapasiti

merangkumi program pemindahan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan teknologi.

Sebelum itu, Forum CVO Asia Tenggara: Memajukan Kerjasama Kesihatan Haiwan Serantau Melalui Epidemiologi anjuran Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) telah diadakan pada 17 hingga 18 November 2025.

Forum ini menampilkan empat sesi utama memacu hala tuju forum, iaitu:

- Pengenalan dan penjajaran objektif;
- Pengesahan Teori Perubahan;
- Meneroka peranan epidemiologi dalam meningkatkan kesihatan haiwan serantau; dan
- Penyatuan titik tindakan untuk mengukuhkan kerjasama dan menggalakkan pembuatan keputusan berasaskan bukti.

Hari kedua Forum CVO Asia Tenggara diteruskan dengan perbincangan mendalam untuk mengukuhkan kerjasama serantau dalam kesihatan haiwan melalui epidemiologi. Para peserta meneroka bidang keutamaan untuk kerjasama dan mengenal pasti kepentingan negara melalui galeri berjalan dan proses pembentangan. Sesi ini membantu memperhalusi keutamaan bersama untuk memajukan penggunaan bukti epidemiologi dalam membuat keputusan di seluruh rantau ini.

Sesi petang memberi tumpuan kepada perkongsian, mobilisasi sumber, dan penyelarasan wilayah. Negara dan rakan kongsi menyumbang kepada matriks sokongan yang menggariskan kesediaan mereka untuk memimpin bersama, mengambil bahagian

atau menyelaraskan inisiatif berterusan dengan titik tindakan yang dicadangkan.



Sementara pada 19 November sebelah petang dan 20 November 2025, sesi ACCAHZ Networking Dialogue telah dijalankan sejurus selepas perasmian ACCHAZ. Sesi dialog ini berjaya menghimpunkan Negara-Negara Anggota ASEAN dan rakan antarabangsa bagi mengukuhkan kerjasama serantau dalam kesihatan haiwan dan zoonosis.

Sesi 1 membincangkan tema "Policy Advocacy and Regulatory Frameworks" dengan penekanan kepada penyelarasan dasar, pengukuhan koordinasi, dan penerapan prinsip One Health di peringkat serantau.

Sesi 2 menumpukan kepada peranan ACCAHZ dalam kolaborasi pelbagai sektor dan "Building Partnerships" bagi mengukuhkan strategi pengurusan penyakit haiwan dan zoonosis.

Para peserta menzahirkan komitmen untuk memperkukuh penyelarasan dasar, memperluas kerjasama One Health, serta menguatkan rangkaian serantau bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian maklumat melalui ACCAHZ.

Terima kasih kepada semua panel, moderator, dan para delegasi atas penyertaan dan sumbangan yang bermakna. Bersama-sama, kita memperkukuh ketahanan dan kerjasama serantau ASEAN dalam kesihatan haiwan dan kesihatan awam.



LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KPKM KE TAMAN BURUNG LABUAN | 24 November 2025

YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), telah mengadakan lawatan kerja ke Taman Burung Labuan pada 24 November 2025 bagi mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bil. 2/2025, dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd. Noor Hisham bin Mohd. Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Turut hadir, Encik Nik Azman bin Nik Abd. Kadir, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, YBr. Dr. Wan Nor 'Amirah Diana binti Hishamnuri, Pengarah DVS W.P. Labuan, wakil pegawai daripada Bahagian Akaun dan Bahagian Kewangan KPKM.

Lawatan ini bertujuan menilai keadaan infrastruktur semasa serta keperluan peruntukan bagi tujuan pembangunan semula, naik taraf dan penyelenggaraan Taman Burung Labuan. Selain itu, penilaian turut memberi tumpuan kepada potensi pelancongan dan ekonomi taman ini.

Dalam sesi lawatan, YBhg. Datuk Seri KSU turut mencadangkan beberapa penambahbaikan bagi memperkukuh potensi Taman Burung Labuan sebagai pusat pelancongan yang berdaya maju. Usaha penambahbaikan ini merupakan sebahagian daripada strategi pembangunan pelancongan dan dijangka dapat menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara.



WORKSHOP ON EVALUATION OF AFRICAN SWINE FEVER CONTROL POLICIES, BIOSECURITY MEASURES AND THEIR EFFECTIVENESS IN SOUTHEAST ASIA | 24-25 November 2025

Workshop on Evaluation of African Swine Fever Control Policies, Biosecurity Measures and Their Effectiveness in Southeast Asia anjuran Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dengan kerjasama daripada World Organisation for Animal Health (WOAH) dan The Institute of Animal Science (IAS) of the Chinese Academy of Agricultural Sciences (CAAS), China yang telah diadakan selama dua hari iaitu 24 dan 25 November 2025 di Putrajaya.



MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2025 | 25 November 2025



Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Tahun 2025 yang berlangsung pada 25 November 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Dalam majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna KPKM, Wisma Tani pagi tadi, dua polisi penting integriti telah turut dilancarkan iaitu Polisi Antirasuah DVS dan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan DVS.

Bertemakan "Integriti Teras Kesejahteraan Negara", majlis ini menekankan kepentingan integriti sebagai asas utama dalam setiap tindakan dan keputusan warga kerja DVS. Dalam ucapan

perasmian, YBhg. Dato' Sri Norazman menegaskan bahawa integriti perlu terus diterapkan ke dalam diri setiap warga kerja, sekaligus dipraktik dan dijadikan kompas dalam melaksanakan amanah dalam penyampaian kepada rakyat.

Beliau turut mengingatkan semua warga DVS untuk sentiasa berpegang teguh kepada nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti; mengelakkan sebarang bentuk salah laku, mengelakkan penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa serta sentiasa mengamalkan penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berfokus kepada rakyat.

Majlis ini dimeriahkan lagi dengan sesi taklimat integriti bertajuk "Integriti Adalah Imej" yang disampaikan oleh Encik Amin Idris, penyampaian ikrar integriti, serta penglibatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Institut Integriti Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK), Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Pembangunan Wanita dan Mentari Malaysia yang berkongsi maklumat kepada warga tentang rasuah, penyalahgunaan bahan, pengurusan hal ehwal kebangkrutan serta keganasan rumah tangga/terhadap wanita sebagai kesedaran kepada warga DVS.

Semoga sambutan Hari Integriti ini terus memberi motivasi dan membakar semangat warga DVS untuk menjadikan integriti sebagai asas kecemerlangan organisasi.



WEBINAR PRUDENT USE OF ANTIBIOTICS IN POULTRY INDUSTRY SEMPERNA WAAW 2025 |
 27 November 2025



Webinar Prudent Use of Antibiotics in Poultry Industry Sempena WAAW 2025 Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA) telah menganjurkan Webinar on Prudent Use of Antibiotics in Poultry Industry bersempena sambutan World Antimicrobial Resistance Awareness Week (WAAW) 2025 pada 27 November 2025 secara atas talian.

Program ini telah dirasmikan serta dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

Turut serta sebagai penceramah dan panel jemputan ialah YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin

Hassan Nizam selaku moderator, Mr. Teh Wee Chye (Executive Deputy Chairman cum Managing Director, MFM Berhad), YBrs. Dr. Adam (Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, DVS), YBrs. Dr. Bahsharudin bin Mohd Sharif (Consultant Veterinarian), serta YBrs. Dr. Phang Wai San (Group Technical Manager, FFM Berhad).

Webinar ini memberi tumpuan kepada penggunaan antibiotik secara berhemat dalam industri unggas, pematuhan regulatori, dan usaha bersama dalam menangani *Antimicrobial Resistance (AMR)* melalui kerjasama strategik antara kerajaan, industri dan pengamal veterinar.



MAHA 2026 BAKAL KEMBALI! | 3 Disember 2025




YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar menghadiri Majlis Pra Pelancaran MAHA 2026 yang telah disempurnakan YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 3 Disember 2025 di MAEPS, Serdang.

Hadir sama YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri KPKM, YBhg. Datuk Seri Isham Ishak (Ketua Setiausaha KPKM), YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha

(Dasar) KPKM, YBhg. Dato' Luqman Bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, ketua-ketua jabatan/agensi di bawah KPKM, para pegawai kanan serta warga KPKM.

MAHA 2026, sebuah acara sektor pertanian dan agromakanan ikonik negara yang diadakan secara dwitahunan dijangka akan diadakan pada 28 Ogos 2026 sehingga 6 September 2026. Nantikan kemunculannya!



MEOW FIESTA DISERANG PENGUNJUNG | 5-7 Disember 2025

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) turut serta memeriahkan sempena Program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku melalui Zon MEOw FIESTA yang telah berlangsung pada 5 hingga 7 Disember 2025 bertempat di Dewan Seri Melati, Perkarangan Dataran Putrajaya.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan antara MEOwSome showcase, pertandingan hiasan sangkar kucing, pertandingan kucing cantik.

Selain itu, DVS turut mengadakan program pemeriksaan kesihatan haiwan kesayangan, pameran/penerangan dan promosi kesedaran mengenai kebajikan haiwan, penerangan dan pendaftaran kad pengenalan haiwan kesayangan.

Zon MEOw FIESTA semestinya telah diserbu pengunjung dari pelbagai peringkat umur. Terdapat juga ibu bapa yang turut membawa anak-anak mereka mendengar penerangan mengenai

cara dan kepentingan menjaga kebajikan dan kesihatan haiwan kesayangan.

Terima kasih kepada semua para petugas MEOw FIESTA yang bertungkus-lumus menjayakan program yang diadakan selama 3 hari ini.



LAWATAN KERJA YBM KPKM KE COLLA CATTLE FARM | 11 Disember 2025

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan lawatan kerja ke Colla Cattle Farm, Kuala Selangor serta merasmikan Rumah Sembelih Colla (RSC) pada 11 Disember 2025.

Hadir sama YBrs. Dr. Zulkifli bin Ishak, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, wakil Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Dalam ucapan YB Menteri KPKM, inisiatif seperti RSC wajar dijadikan pemangkin oleh para penternak dan pengusaha dalam memperkukuh ekosistem penternakan setempat melalui amalan yang teratur serta berlandaskan piawaian kebajikan haiwan dan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Penganjuran majlis ini merupakan platform penting bagi menzahirkan komitmen dalam menjadikan RSC bukan sahaja pusat penyembelihan moden, malah sebagai komponen utama dalam membangunkan ekosistem perladangan dan penternakan yang lebih mampan, teratur dan bersepadu.

Pihak Colla juga beraspirasi untuk mewujudkan satu hab pengeluaran daging tempatan yang berupaya menyumbang kepada kestabilan rantaian bekalan makanan negara seiring dengan agenda Kerajaan untuk memperkukuh industri ruminan melalui peningkatan produktiviti ladang, pematuhan piawaian keselamatan makanan dan penghasilan produk daging berkualiti yang mampu memenuhi keperluan pasaran domestik serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.



LAWATAN KERJA KSU KPKM KE CAB FEED SDN BHD | 19 Disember 2025



Lawatan Kerja YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke CAB Feed Sdn. Bhd., Pulau Pinang bagi melihat operasi pemprosesan jagung dan pengurusan rantai bekalan makanan ternakan pada 19 Disember 2025.

Menerusi ucapan aluan YBr. Encik Chua Hoon Phong (Pengurus Besar Cab Cakaran Corporation Berhad), CAB Cakaran Corporation Berhad (CAB) merupakan salah sebuah pengeluar makanan terbesar di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Selama lebih 40 tahun, CAB telah membekalkan makanan berkualiti dan selamat kepada rakyat Malaysia melalui ladang ternakan ayam serta pelbagai perniagaan berkaitan makanan.

Dalam ucapan YBhg. Datuk Seri Isham, beliau mengatakan bahawa KPKM akan terus menyokong pembangunan industri jagung negara.

Beliau turut memaklumkan bahawa penanaman jagung tempatan akan diperkasa bagi memenuhi keperluan pengguna domestik dan pengeluar tempatan.

Sementara itu, taklimat mengenai pengurusan jagung telah disampaikan oleh YBr. Encik Desmond Tham, Pengarah Urusan CAB Feed Sdn. Bhd.

Hadir sama YBr. Dr. Yuslan bin Sanuddin (Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan, DVS ibu pejabat Putrajaya), YBr. Dr Saira Banu binti Mohamed Rejab

(Pengarah DVS Negeri Pulau Pinang), Ketua-ketua Jabatan/ Agensi di bawah KPKM, para pegawai kanan KPKM, dan lain-lain.

Lawatan kerja ini adalah susulan daripada Persidangan Jagung Bijian Kebangsaan Tahun 2025 yang telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 18 Disember 2025.

MAJLIS PELUNCURAN PENUTUP DAN PENYERAHAN PROJEK-PROJEK FIZIKAL PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI | 23 Disember 2025

Majlis Peluncuran Penutup dan Penyerahan Projek-Projek Fizikal Program Kampung Angkat MADANI serta Penyerahan Projek Sekolah Angkat MADANI telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 23 Disember 2025 bertempat di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah.

Majlis ini disaksikan oleh Orang Besar Jajahan Daerah Perak Tengah, YDH. Toh Seri Bijaya Leftenan Kolonel (Bersara) Dato' Shaharudin Bin Haji Nazari, serta dihadiri oleh Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, wakil ICU Perak, masyarakat dan komuniti setempat.

Program Kampung Angkat MADANI merupakan inisiatif kerajaan untuk merapatkan jurang desa-bandar melalui pelbagai projek pembangunan infrastruktur dan sosial.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak selaku pelaksana utama telah berjaya melaksanakan projek-projek Naik taraf kemudahan ibadah, dewan orang ramai, dan pusat penternak komuniti dan masyarakat untuk kegunaan penduduk setempat.

Pelaksanaan program Qurban Malaysia MADANI, kursus sembelihan halal, bantuan makanan, Kit Ternak MADANI, bantuan pendidikan dan persekolahan, serta penyerahan projek Sekolah Angkat MADANI kepada SMK Lambor Kiri.

Lebih 1,000 penduduk menerima manfaat secara langsung daripada projek ini, yang turut meningkatkan produktiviti penternak serta memudahkan akses pasaran produk ternakan yang bersih dan halal.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, YBrs. Dr. Saifullizam bin Abd. Kadir atas kepimpinan dan komitmen beliau, serta barisan Urusetia Kampung Angkat MADANI DVS Perak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Penghargaan turut dizahirkan kepada semua agensi, masyarakat kampung, serta pihak-pihak yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Komitmen, kerjasama dan sokongan padu yang diberikan amatlah dihargai demi memastikan kesejahteraan rakyat serta memperkukuhkan keharmonian komuniti setempat.



MARI MEWARNA





JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,
Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000

Faks: (603) 8888 6021

Email: [pro\[at\]dvs.gov.my](mailto:pro[at]dvs.gov.my)